



JABATAN PERDANA MENTERI

GARIS PANDUAN PUNGUTAN DANA WAKAF
AL-QURAN



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
DAN
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



JABATAN PERDANA MENTERI

GARIS PANDUAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
DAN
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

GARIS PANDUAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN

Cetakan Pertama 2022
Cetakan Kedua 2024
Cetakan Ketiga (Edisi Kemas Kini) 2026

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
dan
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 8-9, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No.3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Diterbitkan oleh :
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 8-9, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya, No.3,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3,
62100 PUTRAJAYA.
Tel:03-88837400 Faks:03-88837406

Pereka:
Mohd Azlan Shah

Dicetak oleh :
Kedapan Enterprise
23A Jalan Kajang Perdana 2/3 Kajang Perdana,
43000 Kajang Selangor
Tel: 019-6019802 / 017-2238610

KANDUNGAN

HALAMAN

BAHAGIAN I

PENGENALAN	1
TUJUAN	3

BAHAGIAN II

TATACARA KENDALIAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN

1. Kelulusan Permohonan dan Penubuhan Jawatankuasa	4
2. Permohonan Kebenaran Pungutan	4
3. Syarat Permohonan	4
4. Kelayakan Pemungut	5
5. Tatacara Permohonan Kebenaran	5
6. Surat Kebenaran dan Kad Kebenaran Pungutan	6
7. Tempoh Kebenaran Pungutan	6
8. Permohonan Pelanjutan Tempoh Kebenaran Pungutan	6
9. Pembatalan Kebenaran	7

BAHAGIAN III

TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PEMOHON DAN PEMUNGUT

1. Tanggungjawab Institusi Pemohon	8
2. Tanggungjawab Pemungut	9

BAHAGIAN IV

TATACARA PENGURUSAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN

1. Pengurusan Lebihan Pungutan Dana Wakaf al-Quran	11
--	----

BAHAGIAN V

PELBAGAI

- | | |
|------------------------------|----|
| 1. Kos Pengurusan | 12 |
| 2. Lokasi dan Promosi | 12 |
| 3. Pengedaran Wakaf al-Quran | 12 |


KAPSUL MAKLUMAT

- | | |
|--|----|
| 1. Wakaf Sejuta al-Quran | 13 |
| 2. Al-Quran Braille | 15 |
| 3. Percetakan dan Pengawalan Teks al-Quran | 17 |

PENUTUP 19

PENGHARGAAN 20

ILUSTRASI WAKAF 22



BAHAGIAN I

PENGENALAN

Pendahuluan

Wakaf al-Quran ialah amalan mewakafkan naskhah al-Quran atau dana setara dengannya bagi tujuan penerbitan, pembelian dan pengedaran mushaf untuk dimanfaatkan oleh penerima di masjid, surau, institusi pendidikan, pusat komuniti dan tempat yang memerlukan. Dalam kerangka syariah, pelaksanaannya hendaklah menepati rukun dan syarat wakaf serta memelihara kehormatan al-Quran sebagai kitab suci umat Islam.

Di Malaysia, pengurusan wakaf berada di bawah bidang kuasa negeri dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf. Oleh itu, sebarang aktiviti pungutan dana wakaf al-Quran perlu mendapat kelulusan MAIN. Pada masa yang sama, percetakan, pengimportan dan pengedaran mushaf al-Quran dikawal oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaras Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326), termasuk semakan dan pengesahan oleh Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ). Keperluan ini turut terpakai kepada penerbitan al-Quran dalam format akses seperti Braille berdasarkan piawai penulisan yang ditetapkan.

Perkembangan program wakaf al-Quran yang semakin meluas termasuk digitalisasi kutipan dan peluasan pengedaran ke luar negara membawa manfaat besar kepada dakwah dan kebajikan. Namun, ia turut menimbulkan risiko penipuan, kekeliruan masyarakat, penyelewengan dana dan ketidakpatuhan prosedur. Laporan KDN pada Oktober 2025 menyatakan lebih 53,000 bahan berkaitan al-Quran yang melanggar Akta 326 disita bagi tempoh Januari hingga September 2025. Insiden seperti ini perlu dibendung kerana boleh menjejaskan imej Malaysia yang diiktirafkan sebagai antara lima negara utama aktif dalam wakaf al-Quran peringkat global dan selanjutnya menuntut tadbir urus yang lebih standard, telus dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, buku Garis Panduan Kutipan Dana Wakaf al-Quran ini dibangun dan disusun sebagai rujukan kepada MAIN, institusi pemohon, pemungut dana, rakan pelaksana dan masyarakat awam. Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam mengenai operasi kutipan dan pengurusan dana wakaf al-Quran secara sah, teratur dan boleh



diaudit, di samping menutup ruang manipulasi serta memulihkan keyakinan pewakaf di Malaysia. Kandungan buku merangkumi prinsip dan takrifan, tatacara permohonan serta kelulusan, kelayakan pemungut, tanggungjawab pihak terlibat, pelaporan dan pengurusan akaun khas, pengurusan lebih pungutan serta garis asas promosi dan pengedaran.

Sisipan contoh inisiatif berskala nasional, iaitu Kempen Solidariti Wakaf Sejuta al-Quran susulan pengumuman Kerajaan pada 28 Januari 2023 turut dimuatkan dalam garis panduan ini. Dalam aspek keterangkuman, sisipan mengenai penghasilan mushaf al-Quran Braille Malaysia turut disertakan dan melakarkan satu lagi sejarah buat Malaysia dalam mendekati dan memelihara mukjizat agung al-Quran.

Adalah menjadi harapan agar garis panduan ini dapat dijadikan rujukan mekanisme pemantauan serta penguatkuasaan yang bersesuaian. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pegawai dan wakil MAIN, JAWHAR, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), KDN serta pihak berkepentingan yang menyumbang kepakaran dalam proses semakan dan bengkel, demi penerbitan garis panduan yang lebih komprehensif dan berdaya laksana.



TUJUAN

Garis Panduan Pungutan Dana Wakaf al-Quran ini adalah panduan umum kepada semua pihak mengenai pungutan dana wakaf al-Quran dan tertakluk kepada apa-apa undang-undang lain yang berkuat kuasa.

1. Takrifan

Bagi maksud garis panduan ini:

- Al-Quran** : Dokumen yang mengandungi teks al-Quran yang lengkap sama ada dengan terjemahan atau tafsiran, mengikut mana-mana yang berkenaan yang telah disahkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- Institusi** : Termasuklah mana-mana yayasan, institusi pendidikan, syarikat, perkongsian, persatuan, pertubuhan, perbadanan atau jawatankuasa kariah.
- Majlis** : Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
- Pemohon** : Mana-mana institusi yang berhasrat untuk membuat pungutan dana wakaf al-Quran.
- Pemungut** : Mana-mana orang yang dinamakan dalam Surat Kebenaran Pungutan Dana Wakaf al-Quran yang dikeluarkan oleh Majlis untuk memungut dana wakaf al-Quran.
- Pungutan dana wakaf al-Quran** : Pungutan yang dibuat oleh mana-mana orang melalui apa-apa cara yang dibenarkan oleh Majlis, untuk mendapatkan dana atau yang setara dengannya bagi tujuan melaksanakan wakaf al-Quran bagi pihak pewakaf.



BAHAGIAN II

TATACARA KENDALIAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN

1. Kelulusan Permohonan dan Penubuhan Jawatankuasa

Sebarang permohonan pungutan dana wakaf al-Quran perlu mendapat kelulusan Majlis. Majlis juga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang bertanggungjawab berhubung dengan permohonan dan pengurusan pungutan dana wakaf al-Quran.


2. Permohonan Kebenaran Pungutan

- (i) Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk membuat apa-apa pungutan dana wakaf al-Quran perlu dikemukakan oleh suatu institusi pemohon.
- (ii) Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis atau pihak yang diberi kuasa oleh Majlis mengikut bentuk atau cara yang ditentukan.

3. Syarat Permohonan

Permohonan di bawah perenggan 2(i) dan 2(ii) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Permohonan hendaklah dibuat oleh institusi pemohon;
- (ii) Institusi pemohon itu hendaklah berdaftar mengikut mana-mana undang undang yang berkuat kuasa di Malaysia; dan
- (iii) Fungsi atau tujuan penubuhan institusi pemohon itu tidak bertentangan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa.



4. Kelayakan Pemungut

Sesebuah institusi pemohon boleh melantik pemungut jika memenuhi syarat berikut:

- (i) Terdiri daripada warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- (ii) Berumur lapan belas tahun dan ke atas;
- (iii) Sempurna akal; dan
- (iv) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

5. Tatacara Permohonan Kebenaran

Setiap permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk membuat pungutan dana wakaf al-Quran hendaklah dilampirkan dokumen yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Kertas cadangan pungutan dana wakaf al-Quran yang menerangkan tujuan, justifikasi, tempoh masa pelaksanaan pungutan, lokasi pungutan, tempat promosi, jumlah sasaran, kaedah pungutan, pihak yang akan menerima al-Quran yang diwakafkan dan cadangan apa-apa kos yang akan dikenakan kepada pewakaf;
- (ii) Sampel mushaf al-Quran yang mendapat kelulusan KDN;
- (iii) Salinan sijil pendaftaran institusi pemohon di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan;
- (iv) Senarai lengkap pemungut yang dicadangkan oleh institusi pemohon; dan
- (v) Apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Majlis.



6. Surat Kebenaran dan Kad Kebenaran Pungutan


- (i) Setelah berpuas hati dengan permohonan yang dikemukakan, Majlis hendaklah menyerahkan surat kebenaran kepada institusi pemohon yang mengandungi:
 - (a) Tujuan pungutan;
 - (b) Nama-nama pemungut;
 - (c) Tempoh kebenaran pungutan;
 - (d) Lokasi promosi dan pungutan;
 - (e) Sasaran pungutan;
 - (f) Pihak yang akan menerima al-Quran yang diwakafkan;
 - (g) Kad kebenaran pungutan; dan
 - (h) Apa-apa syarat atau perkara lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.
- (ii) Jika Majlis menolak permohonan di bawah perenggan 6(i), Majlis hendaklah memaklumkan kepada institusi pemohon secara bertulis penolakan permohonan tersebut.

7. Tempoh Kebenaran Pungutan

Majlis boleh menetapkan tempoh kebenaran pungutan yang munasabah mengikut budi bicara Majlis.

8. Permohonan Pelanjutan Tempoh Kebenaran Pungutan

- (i) Jika terdapat keperluan untuk melanjutkan tempoh kebenaran pungutan, seperti hasil pungutan masih belum mencapai jumlah yang disasarkan, permohonan untuk pelanjutan tempoh pungutan boleh dibuat kepada Majlis sebelum tamat tempoh kebenaran pungutan;



- (ii) Setiap permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran pungutan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:
 - (a) Laporan pungutan yang disahkan oleh institusi pemohon yang berkenaan;
 - (b) Bukti penerimaan pungutan wakaf seperti salinan resit dan seumpamanya; dan/atau
 - (c) Apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Majlis.
- (iii) Majlis boleh meluluskan permohonan pelanjutan tempoh kebenaran pungutan tersebut dan mengeluarkan surat kebenaran pelanjutan pungutan dana wakaf al-Quran kepada institusi pemohon jika alasan yang dikemukakan adalah munasabah.
- (iv) Jika Majlis menolak permohonan pelanjutan tempoh pungutan tersebut, Majlis hendaklah memaklumkan kepada institusi pemohon secara bertulis penolakan permohonan tersebut.

9. Pembatalan Kebenaran

- (i) Majlis boleh, pada bila-bila masa membatalkan kebenaran yang dikeluarkan kepada institusi pemohon, jika:
 - (a) Institusi pemohon mengemukakan maklumat palsu dalam permohonan;
 - (b) Institusi pemohon mengubah atau meminda butir-butir yang terdapat dalam surat kebenaran;
 - (c) Institusi pemohon menyalahgunakan kebenaran untuk tujuan atau kegiatan yang menyalahi mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa; atau
 - (d) Institusi pemohon gagal mematuhi syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis.
- (ii) Majlis hendaklah memaklumkan institusi pemohon secara bertulis mengenai pembatalan kebenaran tersebut.



BAHAGIAN III

TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PEMOHON DAN PEMUNGUT

1. Tanggungjawab Institusi Pemohon

Tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh institusi pemohon setelah mendapat kebenaran untuk memungut adalah seperti berikut:

- (i) Mengawal selia pemungut yang dilantik;
- (ii) Menggunakan suatu resit mengikut nombor siri dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis;
- (iii) Mematuhi setiap syarat pelaporan hasil pungutan dan perakaunan yang ditetapkan oleh Majlis;
- (iv) Membuka suatu akaun khas bagi tujuan pungutan dana wakaf al-Quran;
- (v) Menyimpan hasil pungutan dalam akaun yang dinyatakan dalam akaun yang dikhususkan tersebut;
- (vi) Menyimpan akaun-akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang yang dipungut dan tentang pelupusannya dengan semua baucer yang sepatutnya, atau apa-apa dokumen berkaitan pungutan wang bagi tujuan pemeriksaan oleh Majlis;
- (vii) Merekodkan penerimaan wang untuk tujuan dana wakaf al-Quran;
- (viii) Menyerahkan wang pungutan kepada Majlis jika pungutan dana seperti yang dimaksudkan dalam permohonan tidak lagi dapat diteruskan;
- (ix) Menyerahkan surat kebenaran dan kad kebenaran pungutan kepada Majlis apabila kebenaran dibatalkan;
- (x) Memastikan hasil pungutan tersebut dibelanjakan bagi tujuan pembelian al-Quran seperti mana yang diluluskan oleh Majlis;
- (xi) Membenarkan rekod pungutan diperiksa pada bila-bila masa oleh Majlis melainkan apabila mendapat pengecualian daripada Majlis; dan



- (xii) Menyediakan laporan untuk dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis selepas tamat tempoh kebenaran pungutan. Laporan yang dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti yang berikut:
- (a) Senarai nama pewakaf, jumlah yang diwakafkan dan nombor resit;
 - (b) Buku resit;
 - (c) Penyata jumlah hasil pungutan dana;
 - (d) Jumlah kos pengurusan / kos logistik (sekiranya ada);
 - (e) Bilangan al-Quran yang telah diwakafkan;
 - (f) Kategori dan bilangan penerima wakaf al-Quran;
 - (g) Akuan penerimaan al-Quran wakaf oleh penerima; dan
 - (h) Mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis.

2. Tanggungjawab Pemungut

Pemungut yang telah diberikan kebenaran oleh Majlis untuk membuat pungutan hendaklah:

- (i) Menjalankan pungutan dalam tempoh dan lokasi yang dibenarkan sahaja;
- (ii) Menggunakan surat kebenaran semata-mata untuk tujuan asal kebenaran itu dimohon;
- (iii) Mempamerkan surat kebenaran pungutan dana wakaf al-Quran ketika membuat pungutan dan kad kebenaran pungutan (jika berkaitan);
- (iv) Membuat pungutan secara tunai, melalui cek, perbankan internet, kiriman wang pos atau apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Majlis;
- (v) Memastikan setiap wakaf yang dibuat mematuhi rukun-rukun dan syarat-syarat wakaf sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak;
- (vi) Mengeluarkan resit kepada pewakaf sebagai bukti penerimaan wang;



- (vii) Sekiranya berkaitan, menyerahkan kad kebenaran pungutan kepada institusi pemohon apabila kebenaran dibatalkan atau tamat tempoh;
- (viii) Menyerahkan hasil pungutan bersama-sama buku resit dan laporan ringkas kepada institusi pemohon; dan
- (ix) Mematuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Majlis.



BAHAGIAN IV

TATACARA PENGURUSAN PUNGUTAN DANA WAKAF AL-QURAN

1. Pengurusan Lebihan Pungutan Dana Wakaf al-Quran

- (i) Jika terdapat lebihan pungutan dana wakaf al-Quran, jumlah tersebut hendaklah dinyatakan dan diserahkan kepada Majlis untuk dimasukkan ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Majlis (contohnya, dana baitulmal) dan hendaklah digunakan bagi tujuan yang sama; dan
- (ii) Walau apapun perenggan (i), institusi pemohon boleh mengemukakan permohonan kepada Majlis untuk mendapatkan lebihan pungutan dan sekiranya diluluskan, lebihan pungutan itu hendaklah digunakan bagi tujuan yang sama dengan permohonan asal.



BAHAGIAN V

PELBAGAI

1. Kos Pengurusan

- (i) Bagi maksud garis panduan ini, institusi pemohon digalakkan untuk melaksanakan aktiviti pungutan dana wakaf al-Quran berlandaskan konsep kebajikan (tabarru’);
- (ii) Tertakluk persetujuan Majlis, institusi pemohon boleh mengenakan apa-apa kos pengurusan pada kadar yang munasabah; dan
- (iii) Jumlah kos pengurusan hendaklah dinyatakan secara jelas di dalam borang wakaf al-Quran dan difahami oleh pewakaf.

2. Lokasi dan Promosi

- (i) Pungutan dana wakaf al-Quran hendaklah dibuat di lokasi atau medium yang diluluskan oleh Majlis; dan
- (ii) Promosi pungutan dana wakaf al-Quran yang dibuat oleh institusi pemohon di mana-mana premis atau bangunan hendaklah mendapat kebenaran daripada pemilik premis atau bangunan tersebut.

3. Pengedaran Wakaf al-Quran

- (i) Pengedaran wakaf al-Quran perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh KDN dan menepati hukum syarak.

KAPSUL MAKLUMAT 1

WAKAF SEJUTA AL-QURAN

Kempen ini adalah cetusan YAB Perdana Menteri sebagai respon berstrategi yang menzahirkan prinsip “lawan provokasi dengan ilmu” melalui percetakan dan pengedaran al-Quran secara tersusun serta berautoriti. Inisiatif ini diumumkan pada 28 Januari 2023 dan diperkasakan melalui penyelarasan antara agensi, peneraju percetakan/penerbitan dan rakan strategik; dengan kutipan masyarakat dibuka secara terbuka bermula 1 April 2023.

Tujuan Utama

- Mempertahankan kesucian al-Quran dan menzahirkan solidariti ummah melalui amal jariah (wakaf);
- Memperluas akses bacaan al-Quran (termasuk terjemahan) kepada komuniti Muslim dan khalayak antarabangsa;
- Memperkukuh diplomasi dan imej Malaysia sebagai negara yang mempromosi kefahaman Islam secara damai; dan
- Membangunkan model kutipan wakaf yang tersusun, berintegriti dan patuh keperluan pengesahan mushaf serta tadbir urus agihan.

Pendekatan Kutipan dan Tatakelola

- Kutipan hibrid: gabungan sokongan kerajaan dan penyertaan masyarakat melalui saluran sah (contoh: wakaf tunai RM38 senaskhah);
- Kepatuhan tadbir urus: kebenaran pungutan, rekod resit, pelaporan dan ketelusan aliran dana serta agihan; dan
- Pematuhan kawal selia mushaf: pengesahan teks dan

keperluan LPPPQ/KDN bagi menjamin ketepatan serta pematuhan perundangan penerbitan.

Status Pelaksanaan (Angka Laporan Projek)

- Dana kerajaan direkodkan: RM28.55 juta (sehingga Ogos 2025) bagi menyokong penerbitan, logistik dan pendedaran;
 - Fasa 1 (2023–2024): 295,000 naskhah
 - Fasa 2 (2024–2025): 265,000 naskhah
 - Fasa 3 (2025): dalam penyusunan / semakan bahasa baharu; dan
- Status pendedaran (agregat): 600,000 naskhah — telah diedarkan 291,124; baki/penjadualan agihan 309,376.

Nilai Tambah dan Impak

- Memperkaya pengeluaran al-Quran pelbagai bahasa (antaranya: Inggeris, Perancis, Jerman, Denmark, Sepanyol/Latin, China, Khmer dan Tagalog);
- Mengukuhkan jaringan edaran antarabangsa (contoh: United Kingdom, Perancis, Amerika Syarikat dan negara-negara Afrika); dan
- Memantapkan ekosistem domestik melalui penglibatan penerbit/pencetak berautoriti dan pengurusan stok bagi agihan yang diyakini.

Nota integriti: Masyarakat digalakkan berwakaf melalui saluran sah, menyemak autoriti penganjur dan memahami bahawa pemeliharaan kesucian al-Quran bergantung pada ketepatan teks, kawal selia penerbitan serta pengurusan agihan yang telus dan berakauntabiliti.

KAPSUL MAKLUMAT 2

AL-QURAN BRAILLE

Percetakan dan penggunaan al-Quran Braille di Malaysia melalui perjalanan yang panjang sebelum mencapai bentuk yang lebih tersusun dan seragam pada hari ini. Sejarah awalnya bermula melalui penerimaan naskhah al-Quran Braille daripada luar negara sebagai bahan rujukan dan pengajaran bagi komuniti OKU penglihatan. Sumbangan naskhah dari beberapa negara telah membuka ruang kepada usaha memperkenalkan kaedah bacaan al-Quran melalui tulisan Braille serta membina keyakinan bahawa akses al-Quran untuk OKU penglihatan boleh diperkasakan secara lebih sistematik di Malaysia. Mushaf al-Quran Braille Malaysia yang diperkenalkan secara rasmi dan sistematik bermula pada 1999 oleh Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

Fasa seterusnya memperlihatkan pengukuhan semakan, adaptasi dan penerbitan tempatan. Usaha ini melibatkan penilaian semula oleh pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman sebagai pengguna serta pengajar Braille, sehingga akhirnya naskhah al-Quran Braille tempatan berjaya dicetak. Al-Quran Malaysia (Edisi Braille) telah dirasmikan pada 26 April 2022. Peringkat ini menjadi asas penting kepada standardisasi, kerana ia membuktikan kemampuan tempatan untuk membangunkan mushaf Braille yang lebih sesuai dengan konteks pendidikan, latihan guru dan keperluan pembelajaran OKU penglihatan di Malaysia.

Dalam tempoh yang lebih tersusun, penyeragaman dipacu melalui pembentukan jawatankuasa khusus, pelaksanaan bengkel semakan dan pembangunan garis panduan penulisan Braille standard. Penyeragaman ini bukan sahaja memastikan ketepatan kandungan, malah mengukuhkan aspek tatacara penerbitan dan kawal selia, termasuk proses kelulusan oleh pihak berautoriti. Hasilnya, lahirlah Mushaf al-Quran Braille Malaysia

yang menjadi rujukan utama, seterusnya diperkenalkan secara rasmi dan digunakan secara meluas merentas peringkat umur OKU penglihatan. Pada masa yang sama, pagedaran naskhah turut diperkasakan bagi memastikan capaian lebih menyeluruh di seluruh negara.

Antara nilai tambah penting mushaf Braille versi standard ialah ketertiban proses penyalinan dan semakan melalui panel yang diiktiraf, penyelarasan pembelajaran supaya lebih mudah difahami oleh pengguna serta pengajar dan ciri sokongan yang memudahkan rujukan silang antara tulisan Braille dan teks al-Quran biasa. Penambahbaikan ini meningkatkan kebolehgunaan mushaf dalam bilik darjah, program pengajian al-Quran dan pembelajaran sendiri di samping mengangkat martabat mushaf Braille sebagai naskhah al-Quran yang wajib dipelihara dan dihormati setara dengan mushaf biasa.

Dari sudut prospek, percetakan al-Quran Braille di Malaysia wajar terus ditumpukan kepada tiga keutamaan: pertama, memperluas kapasiti penerbitan, percetakan dan pagedaran bagi memenuhi permintaan sebenar di lapangan; kedua, memperkukuh pematuhan standard melalui latihan, pemantauan dan kemas kini garis panduan; dan ketiga, memperluas literasi al-Quran Braille melalui pengkaderan guru, pengukuhan modul pengajian dan program kesedaran awam. Langkah-langkah ini penting agar inisiatif yang telah dibina tidak bersifat sekali-sekala, sebaliknya berterusan dan berimpak tinggi kepada komuniti OKU penglihatan.

Sebagai penutup, pendekatan wakaf wajar dilihat sebagai pemangkin kelestarian penerbitan dan percetakan al-Quran termasuk keperluan al-Quran Braille. Amalan kutipan dana wakaf al-Quran telah menjadi salah satu sumber kewangan yang menyokong kos penerbitan dan percetakan. Seiring penyeragaman Mushaf al-Quran Braille Malaysia, pengintegrasian komponen Braille dalam ekosistem wakaf al-Quran melalui tadbir urus yang sah, saluran kutipan yang berautoriti serta pematuhan garis panduan berpotensi memastikan naskhah Braille dapat dicetak dan dibekalkan secara konsisten, telus dan diyakini masyarakat.

KAPSUL MAKLUMAT 3

PERCETAKAN DAN PENGAWALAN TEKS AL-QURAN

Di Malaysia, percetakan, penerbitan, pengimportan, pengedaran dan penjualan mushaf atau apa-apa bahan yang mengandungi ayat al-Quran tertakluk kepada kawalan perundangan bagi menjamin ketepatan teks, memelihara kesucian *kalamullah* dan mengelakkan penyebaran naskhah yang tidak sah. Tanggungjawab kawal selia ini diterajui oleh KDN dengan sokongan agensi-agensi berkaitan.

Asas kawalan ialah Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326), termasuk pindaan yang berkuat kuasa pada 1 September 2023. Akta ini mewajibkan perakuan betul (tashih) dan kebenaran/kelulusan bertulis sebelum sesuatu mushaf atau bahan al-Quran dicetak atau diterbitkan, di samping membolehkan tindakan terhadap pengimportan dan pengedaran naskhah yang tidak mematuhi piawaian. Takrif “teks al-Quran” turut merangkumi dokumen dalam tulisan Braille, sama ada lengkap atau sebahagian, dengan atau tanpa terjemahan/tafsiran.

Pelaksanaan kawalan digerakkan melalui LPPPQ di bawah KDN. LPPPQ menilai permohonan, mengeluarkan lesen, menetapkan syarat penerbitan, serta memperaku pruf akhir sebelum mushaf dipasarkan. Semakan *rasm*, kaedah penulisan dan kandungan terjemahan disokong oleh mekanisme semakan dengan JAKIM sebagai rujukan teknikal dan syarie; dan standard *rasm* yang diterima pakai di Malaysia ialah Rasm Uthmani berdasarkan perakuan LPPPQ.

Seiring perkembangan teknologi, penerbitan dan penggunaan teks al-Quran dalam bentuk digital (platform dalam talian, aplikasi, paparan promosi dan bahan pengajaran) juga tertakluk kepada garis panduan KDN bagi memastikan kandungan yang dipaparkan tepat, diperakui dan tidak dimanipulasi. KDN turut menyokong pemuliaan serta pelupusan

mushaf rosak dan bahan buangan percetakan secara beradab mengikut panduan yang selari dengan amalan Islam.

Dari sudut penguatkuasaan, KDN melaksanakan pemantauan, pemeriksaan, sitaan dan pendakwaan terhadap pemilikan, pengedaran atau penjualan mushaf / bahan al-Quran yang tidak diperaku, termasuk kesalahan berkaitan platform digital. Antara ketidakpatuhan lazim ialah percetakan/penerbitan tanpa perakuan dan lesen, penggunaan teks/*rasm* yang tidak tepat serta pengimportan dan pengedaran tanpa kelulusan.

Bagi masyarakat, kewaspadaan berikut wajar diamalkan:

- Utamakan pembelian atau penerimaan sumbangan daripada penerbit/pembekal berlesen dan mempunyai rekod kelulusan LPPPQ;
- Semak tanda perakuan rasmi/label kelulusan pada mushaf sebelum membeli atau mengagihkan (termasuk agihan merentas negeri);
- Untuk kandungan digital, pastikan aplikasi atau paparan dalam talian menggunakan teks yang diperaku dan tidak diubah suai; dan
- Laporkan aktiviti percetakan, pengimportan atau penjualan yang meragukan kepada pihak berkuasa bagi mengelakkan penyebaran naskhah tidak sah.

Implikasinya kepada pengurusan wakaf al-Quran adalah jelas: institusi penganjur dan rakan pelaksana perlu memastikan mushaf yang dibeli, dicetak, diimport atau diedarkan untuk tujuan wakaf adalah sah dan diperakui, serta dokumentasi (invois, senarai agihan, akuan penerimaan dan rekod pelupusan jika berkaitan) disusun rapi untuk audit dan akauntabiliti. Pemeliharaan kesahihan mushaf ialah tanggungjawab bersama dan sebahagian daripada adab memuliakan al-Quran.



PENUTUP

Panduan ini membolehkan Pihak Berkuasa Agama Negeri dan masyarakat awam membuat rujukan pelaksanaan aktiviti wakaf al-Quran. Komitmen serta kerjasama semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan garis panduan ini amat dihargai.



PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pegawai-pegawai yang telah menyumbang dalam pengemaskinian garis panduan ini.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) – Sekretariat

Khairul Azman bin Azizan

Mohd Kalam Mazad bin Abdul Rahman

Nor Shaidayani binti Samah

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) - Sekretariat

Azura Azreen binti Yusof

Hanif bin Jamaludin

Nur Haslindawati binti Hussain

Nor Asmahan binti Abdul Kadir

Saiful Ammar bin Hahzar

Yusnizar binti Mohd Yusuf

Wan Nurul Fatimah binti Wan Mohd Sulaiman

Nik Abdul Raqib bin Nik Abdul Hakim

Fatin Nur Hidayah binti Azhar

Mohammad Fauzan bin Rosli

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) - Ahli

Zulwaqar bin Mumtaz

Mohd Hakib bin Mohd Talib

Majlis Agama Islam Negeri - Ahli

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail

Siti Nur Hidayah binti Mohd Yusdi

Perbadanan Wakaf Selangor

Mohd Huzairi bin Hamdan

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Abdul Samad bin Abdul Rahman



Majlis Ugama Islam Sabah

Abdul Manan bin Ahmad Hafid

Mohd Amirul bin Amirsah

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Norfazilah binti Bawadi

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Alimazri bin Mauludin

Mohamad Zhafri bin Ibrahim

Wakaf Pahang

Mohd Farid bin Mohd Ramly

Muhammad Fariduddin bin Mohd Salleh

Majlis Agama Islam Melaka

Ahmad 'Ataillah bin Zakariah

Norazam bin Ismail

Majlis Agama Islam Negeri Kedah

Syeikh Ammar bin Suhaimi

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Siti Hajar binti Endut

Majlis Agama Islam Negeri Johor

Muhammad Zakwan bin Mohammad Bandi

Muhammad Hafizuddin bin Abdullah

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Tabung Baitulmal Sarawak

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis



ILUSTRASI WAKAF





JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

Aras 8-9, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya,
No.3, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : +(6) 03 8883 7400

Faks : +(6) 03 8883 7406



www.jawhar.gov.my



facebook.com/jabatanwakafzakatdanhaji



[jawhar_jpm](https://www.instagram.com/jawhar_jpm)



[jawhar_jpm](https://twitter.com/jawhar_jpm)



[myjawhar](https://www.tiktok.com/myjawhar)



[jawharchannel](https://www.youtube.com/jawharchannel)

EDARAN PERCUMA